

NO. SOALAN : 315

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN JULIAN TAN KOK PING
[STAMPIN]**

SOALAN :

YB. Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan jumlah pelancong yang melawat ke Sarawak semenjak 2008 sehingga terkini serta jumlah peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan serta Kerajaan Tempatan. Nyatakan inisiatif Kerajaan yang sedia ada mahupun yang akan datang dalam menggalakkan pertumbuhan bagi sektor ini di Sarawak.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kedatangan pelancong ke negeri Sarawak menunjukkan jumlah yang menggalakkan dan positif. Jumlah kedatangan pelancong yang melawat ke Sarawak semenjak 2008 sehingga terkini adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Kedatangan Pelancong
2008	3,419,724
2009	3,280,656
2010	3,270,655
2011	3,795,373
2012	4,069,023
2013	4,371,748
2014	4,857,867
2015	4,517,179
2016	2,165,694
Januari-Jun	

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), Kementerian telah memperuntukan sebanyak **RM111,640,210** bagi membiayai **71** buah projek berkaitan produk pelancongan dan kebudayaan di negeri Sarawak. Antara projek yang terlibat adalah Peningkatan Kemudahan Pelancongan

di Damai (RM1,550,000); Peningkatan Kemudahan Pelancongan di Batang Lupar *Riverine Park*, Sri Aman (RM3,216,030); dan Peningkatan Kemudahan Pelancongan Tapak Pesta Kaul, Mukah (RM2,965,298).

Sebanyak RM36,124,545 turut diperuntukan Kementerian bagi membiayai 62 buah projek berkaitan produk pelancongan dan kebudayaan di negeri Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Antara projek yang telah dilaksanakan adalah Pengindahan Tebing Sungai dari *Fort Margherita* Ke Kampung Sourabaya, Kuching (RM5,000,000); Peningkatan Kemudahan Sukan Air dan Rekreasi di Tasik Empangan Batang Ai Fasa 2 (RM4,000,000); dan Peningkatan Kemudahan Pelancongan di Gunung Serumbu, Bau, Sarawak (RM1,000,000).

Kementerian juga telah memperuntukan sebanyak RM5,900,000 bagi membiayai dua (2) buah projek baharu berkaitan produk pelancongan dan kebudayaan di negeri Sarawak di bawah *Rolling Plan I*, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Projek yang dilaksanakan adalah Peningkatan Kemudahan Pelancongan Projek Pembangunan di Taman Negara Niah, Miri (RM3,400,000); dan Peningkatan Kemudahan Pelancongan Jejak Warisan dari Kampung Sungai Bintangor ke Esplanade Kuching (RM2,500,000).

Kementerian sentiasa bekerjasama dengan Agensi Negeri terutama sekali Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Sarawak dalam mempertimbangkan sebarang cadangan menaiktaraf tempat pelancongan yang berpotensi sekiranya bersesuaian bagi memastikan

produk pelancongan dan kebudayaan di kawasan tersebut dapat dibangunkan dengan memberi faedah kepada masyarakat tempatan.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia juga telah merencanakan pelbagai acara, program dan aktiviti dalam usaha menarik lebih ramai pelancong ke Negeri Sarawak. Penyaluran peruntukan pihak Kementerian kepada Negeri Sarawak bagi bantuan acara sepanjang tahun 2016 adalah sebanyak RM700,000. Antara acara tahunan yang diadakan di Sarawak adalah seperti berikut:

- (i) *World Harvest Festival*;
- (ii) *Borneo Jazz Festival*;
- (iii) *Tidal Bore Festival (Pesta Benak)*;
- (iv) *Sibu Base Jump*;
- (v) *Rainforest World Music Festival*;
- (vi) *Borneo International Kite Festival*;
- (vii) *Sarawak International Dragon Boat Regatta*; dan
- (viii) *Sarawak Regatta*.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia akan terus memperkasakan usaha dari segi promosi dan pembangunan di Negeri Sarawak bagi memastikan produk pelancongan dapat menarik kedatangan lebih ramai pelancong.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
DARIPADA [LANANG]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah orang guru yang berasal dari Sarawak masih berkhidmat di Semenanjung Malaysia dan sama ada Kerajaan berhasrat untuk menempatkan guru tempatan berkhidmat di negeri masing-masing untuk menjimatkan perbelanjaan Kerajaan.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan rekod pada 30 September 2016, seramai 3,833 orang guru kelahiran negeri Sarawak berkhidmat di Semenanjung.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memberi keutamaan penempatan guru baharu ditempatkan ke Sarawak dalam kalangan guru kelahiran atau anak jati negeri Sarawak dalam proses penempatan bagi memastikan sasaran 90 peratus guru yang berkhidmat di negeri Sarawak terdiri dalam kalangan anak tempatan dapat dicapai bermula pada tahun

2016 hingga tahun 2018. Walau bagaimanapun penempatan guru baharu adalah berdasarkan kepada kekosongan jawatan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN ALICE LAU KIONG
YIENG [LANANG]**

SOALAN :

**YB Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta PERDANA
MENTERI menyatakan :-**

- (a) bilangan penduduk Sibul dan Lanang serta Sarawak yang berdaftar dengan eKasih; dan
- (b) apakah usaha Kerajaan untuk membantu mereka yang berdaftar dengan eKasih serta apakah bantuan yang diberi secara automatik kepada pendaftar eKasih.

SULIT

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod eKasih, sehingga 31 Oktober 2016, seramai 113,444 ketua isi rumah (KIR) yang telah berdaftar dengan eKasih di seluruh negeri Sarawak dan daripada jumlah ini seramai 28,243 KIR adalah di bawah kategori Miskin Tegar dan 36,906 KIR pula di bawah kategori Miskin. Bagi Parlimen Sibuan, daripada 2,775 KIR yang berdaftar dengan eKasih seramai 562 KIR adalah di bawah kategori Miskin Tegar dan 964 KIR di bawah kategori Miskin. Manakala bagi Parlimen Lanang pula, daripada 1,647 KIR yang berdaftar dengan eKasih, seramai 302 KIR adalah di bawah kategori Miskin Tegar dan 668 KIR di bawah kategori Miskin.

Sistem eKasih merupakan Bank Data Kemiskinan Nasional yang telah dibangunkan dan diguna pakai oleh Kerajaan bermula tahun 2008 untuk mengintegrasikan data dan maklumat isi rumah di bawah pendapatan garis kemiskinan. Melalui sistem ini, bilangan, kedudukan dan status kemiskinan setiap isi rumah akan dipantau dan dilaporkan bagi menentukan jenis program dan bantuan yang diperlukan setiap peserta untuk disalurkan oleh agensi pemberi bantuan.

Melalui Mesyuarat *Focus Group* Mengenai Pembasmian Kemiskinan Negeri juga, semua kementerian dan agensi pelaksana dapat menyalurkan pemberian bantuan yang diperlukan dengan kadar segera

SULIT

sekiranya KIR berkenaan layak dan menepati kriteria tanpa mengira kaum, latar belakang ataupun keturunan.

Pada masa ini, Kerajaan belum memutuskan penyaluran bantuan secara automatik kepada isi rumah yang telah berdaftar dengan eKasih memandangkan penyaluran bantuan adalah tertakluk kepada kriteria agensi pemberi bantuan yang berbeza antara satu sama lain. Sistem eKasih berfungsi sebagai pangkalan data yang menyepadukan semua maklumat profil kemiskinan dan profil bantuan yang telah disalurkan kepada golongan sasar.

Sekian. Terima kasih.